

**JURNAL REFLEKTIF MINGGUAN**

| MINGGU |
|--------|
| 1      |

**Bilangan Jurnal** : Pertama

**Tajuk** : Kaedah pengajaran yang kurang menarik.

### 1. ISU YANG DIFOKUSKAN

Minggu ini merupakan minggu pertama saya menjalani praktikum atau dikenali sebagai latihan mengajar di Program Pendidikan Khas Intergrasi SMK Pulau Nyior. Saya sangat teruja untuk memulakan interaksi bersama – sama murid – murid PPKI SMK Pulau Nyior dan sangat menantikan peluang untuk diberi keizinan untuk berada bersama mereka di dalam kelas. Sesi perkenalan bersama dengan mereka berjalan dengan lancar dan ceria. Saya dapat merasakan bahawa mereka menyambut baik kehadiran saya untuk mengajar mereka dalam tempoh 12 minggu ini.

Namun begitu, berdasarkan pemerhatian saya ketika melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bersama mereka, mereka kurang memberikan perhatian kepada pengajaran saya kerana kaedah pengajaran yang saya gunakan agak kurang menarik perhatian mereka. Oleh itu, saya mengambil berat isu dan merekodkan isu ini dalam jurnal reflektif (bilangan pertama) agar langkah konkrit yang bersistematik dapat diatur untuk menyelesaikan permasalahan dalam isu ini.

### 2. ANALISIS ISU YANG DIFOKUSKAN (PUNCA DAN KESAN ISU)

Sesi pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lancar sekiranya murid – murid memberikan perhatian yang sepenuhnya kepada aktiviti yang dilaksanakan di dalam kelas. Berdasarkan pemerhatian saya, saya mendapati bahawa kaedah pengajaran yang tidak menarik mampu membuatkan murid berasa bosan dan tidak memberikan perhatian kepada perkara yang sepatutnya diberikan

perhatian seperti mengikuti aktiviti yang telah disediakan oleh guru. Kaedah pengajaran yang kurang menarik ini bukan sahaja membuatkan murid tidak memberikan perhatian malah membuatkan objektif pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dicapai secara maksimum. Oleh itu, guru perlu menggunakan kaedah pengajaran yang kreatif dan menyeronokkan khususnya murid – murid Pendidikan Khas. Mereka sangat tertarik dengan penggunaan bahan bantu mengajar yang bersifat konkrit, maujud serta dapat dilihat dan disentuh. Mereka juga sangat suka kepada kaedah pengajaran yang bersifat ‘didik hibur’.

### **3. KAJIAN LAMPAU (LITERATURE REVIEW) TERHADAP ISU (PENGALAMAN ATAU KAJIAN LEPAS)**

Menurut Berk (2017), pemilihan kaedah dan pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran yang berkesan merupakan satu faktor kejayaan dalam mempengaruhi perhatian murid untuk menguasai sesuatu kemahiran dan mengikuti aktiviti pembelajaran. Disamping itu juga, kaedah yang sesuai untuk digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bersama murid berkeperluan khas adalah melalui kaedah ‘didik hibur’. Kaedah ini adalah satu kaedah yang bukan sahaja dapat menarik perhatian murid untuk belajar malah ianya dapat memberi peluang kepada murid mengintergrasi dan bereksprementasi isi pembelajaran dengan lebih seronok dan berkesan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

### **4. CADANGAN DAN IDEA PENYELESAIAN MASALAH**

Berdasarkan kepada analisis yang telah saya lakukan terhadap isu yang dikenalpasti ini, saya dapat mencadangkan beberapa alternatif kepada permasalahan isu ini. Antaranya adalah saya perlu menyediakan bahan bantu mengajar yang lebih kreatif dan menyeronokkan. Bahan bantu mengajar yang bersifat maujud dan konkrit amat digalakkan untuk sesi pengajaran dan pembelajaran bersama murid berkeperluan khas ini. Selain itu juga, saya perlu lebih

peka terhadap kebolehan murid – murid saya dalam memilih kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai. Disamping itu juga, saya perlu menggunakan lebih banyak kaedah pengajaran secara 'didik hibur' seperti aktiviti main peranan serta mengintergrasikan terapi muzik dan terapi pergerakan kreatif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Selain itu, elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) juga boleh diterapkan dalam setiap aktiviti yang saya lakukan bersama murid. Sebagai contoh, saya boleh menggunakan teknologi media seperti penyampaian informasi melalui audio dan juga video animasi.

## **5. TEMPOH MASA PENYELESAIAN**

Tempoh masa penyelesaian adalah selama 1 minggu.

## **6. TINDAKAN SUSULAN**

Sebagai tindakan susulan, saya akan mencari lebih banyak maklumat mengenai teknik dan kaedah untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih kreatif dan dapat menimbulkan minat kepada murid untuk memberikan perhatian terhadap aktiviti yang dilaksanakan. Selain itu juga, saya perlu membuat perancangan yang lebih awal untuk menghasilkan bahan bantu mengajar yang kreatif dan berinovatif agar dapat digunakan oleh murid di dalam kelas. Disamping itu, saya juga boleh meminta pendapat rakan guru yang lebih berpengalaman mengenai pedagogi yang berkesan yang mereka telah gunakan. Gaya pembelajaran murid juga perlu saya terokai agar saya dapat menghasilkan kaedah yang bersesuaian dengan gaya serta minat mereka.

## **7. TARIKH TINDAKAN SUSULAN DILAKSANAKAN**

Tarikh tindakan susulan dilaksanakan pada 11 Februari 2020.

## **8. KEBERKESANAN LANGKAH YANG DICADANGKAN**

Untuk menarik perhatian murid dalam memberikan tumpuan kepada setiap aktiviti pembelajaran yang dilakukan bukanlah sesuatu perkara yang mudah. Ianya memerlukan kesenian dalam kaedah pengajaran yang dilakukan disamping daya usaha seorang pendidik untuk menghasilkan bahan bantu mengajar yang kreatif dan berkesan kepada pembelajaran murid – murid. Setelah menambahbaik kaedah pengajaran saya iaitu menggunakan bahan bantu mengajar yang berbentuk konkrit dan maujud serta penerapan ‘didik hibur’ di dalam kelas, saya dapat melihat bahawa murid – murid menjadi seronok untuk mengikuti segala aktiviti yang saya lakukan bersama mereka. Malah ada dikalangan mereka yang sentiasa menunggu kehadiran saya untuk mengajar di dalam kelas mereka. Daya tumpuan mereka dalam melaksanakan aktiviti juga menjadi semakin bertambah kerana mereka begitu seronok menggunakan bahan bantu mengajar yang saya sediakan.

## 9. KESIMPULAN

Secara konklusinya, sebagai pendidik kepada murid – murid berkeperluan khas ini, kita perlu meletakkan daya usaha yang tinggi untuk mencipta bahan bantu mengajar yang bukan sahaja untuk menarik minat mereka malah untuk memudahkan mereka dalam menguasai sesuatu kemahiran. Kaedah pengajaran secara ‘didik hibur’ dan melibatkan murid secara aktif di dalam kelas juga sangat membantu seorang guru untuk mencapai objektif pembelajaran murid – murid.

## RUJUKAN

- Berk, L.E. (2017). *Development Through the Lifespan*. Edisi Ke-9. New York: Pearson.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Pandangan / komen guru pembimbing**

---

---

**Tandatangan :**

**Nama :**

**Tarikh :**

**Pandangan / komen pensyarah penyelia**

---

---

**Tandatangan :**

**Nama :**

**Tarikh :**

**JURNAL REFLEKTIF MINGGUAN****MINGGU****2****Bilangan Jurnal** : Kedua**Tajuk** : Murid mempunyai tahap keyakinan diri yang rendah dalam interaksi sosial.**1. ISU YANG DIFOKUSKAN**

Minggu ini merupakan minggu kedua saya menjalani praktikum di Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI) SMK Pulau Nyior. Hubungan saya bersama murid – murid semakin rapat dan mesra disebabkan beberapa program yang memerlukan kami untuk bekerjasama seperti Program Perasmian Urban Farm All Island dan Kejohan Olahraga Pendidikan Khas peringkat daerah Kubang Pasu. Mereka sudah mula mengenali diri saya sebagai guru pelatih yang akan bersama mereka dalam tempoh 12 minggu ini. Ada di kalangan mereka sudah menunjukkan kesungguhan untuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran bersama saya. Namun begitu, dalam fasa mengenali peribadi setiap anak murid saya, saya mendapati bahawa ada 3 orang murid yang mempunyai keyakinan diri yang rendah untuk berinteraksi bersama saya. Mereka suka menundukkan pandangan dan tidak mahu membuat pandangan mata ke mata bersama saya. Saya melihat situasi ini sebagai satu isu yang harus saya selesaikan.

**2. ANALISIS ISU YANG DIFOKUSKAN (PUNCA DAN KESAN ISU)**

Sebagai seorang guru pelatih yang mempunyai ijazah sarjana muda dalam bidang Psikologi, saya mengakui bahawa setiap anak murid mempunyai perbezaan masing – masing. Perbezaan individu ini juga dapat dilihat melalui tahap keyakinan yang berbeza dalam diri mereka. Ada di antara mereka yang mempunyai keyakinan yang tinggi di mana sering menjadi murid yang aktif untuk bercakap atau menjawab apa – apa sahaja soalan yang dilontarkan tidak kira soalan yang bersifat akademik

mahupun ilmiah. Dan tidak dapat dinafikan, ada di antara mereka yang bersikap pasif di dalam kelas, membisu dan malu untuk mengangkat muka untuk melihat guru yang mengajar di hadapan kelas. Sikap murid yang pasif ini dapat saya ramalkan bahawa mereka mempunyai tahap keyakinan diri yang rendah. Mereka mempunyai kesukaran untuk mengekspresikan perasaan mereka dan memberi tindak balas yang sewajarnya dalam berinteraksi dengan persekitaran mereka. Masalah yang mereka hadapi ini jika tidak dibendung akan memberikan masalah kepada diri mereka kelak. Hal ini kerana, untuk mendepani segala cabaran dan persaingan yang wujud di dunia luar, ianya memerlukan mereka untuk menjadi seorang yang berani dan yakin. Oleh itu, saya perlu mengatur langkah konkrit untuk berusaha meningkatkan kemampuan mereka untuk lebih yakin dengan orang di sekeliling mereka.

### **3. KAJIAN LAMPAU (LITERATURE REVIEW) TERHADAP ISU (PENGALAMAN ATAU KAJIAN LEPAS)**

Menurut Sacks dan Silberman (2000), murid berkeperluan khas mempunyai tahap keyakinan yang rendah oleh kerana mereka mempunyai pelbagai masalah untuk berkomunikasi seperti masalah pendengaran dan juga masalah pertuturan. Kekurangan dalam memiliki kemahiran ini menjadikan satu halangan untuk mereka mempunyai kemahiran interaksi sosial bersama orang disekeliling mereka. Selain itu juga, Norshidah dan Khalim (2010) menjelaskan bahawa ketidakupayaan untuk melihat juga turut menjadi satu kekangan untuk murid berkeperluan khas ini menguasai kemahiran sosial interaktif kerana mereka mempunyai pengalaman berinteraksi dalam persekitaran yang sangat terbatas.

### **4. CADANGAN DAN IDEA PENYELESAIAN MASALAH**

Berdasarkan pemerhatian yang telah saya lakukan terhadap isu ini, saya dapat menyusun beberapa langkah konkrit yang boleh diangkat sebagai cadangan untuk membantu murid – murid yang mempunyai masalah kurang keyakinan diri

untuk melaksanakan interaksi sosial bersama orang disekiling mereka. Antara cadangannya adalah pertama, guru perlu menyuntik kesedaran dalam diri murid bahawa sifat keyakinan dan keberanian untuk berinteraksi bersama orang sekeliling adalah satu sifat yang wajib ada dalam diri setiap insan. Hal ini kerana cabaran yang wujud pada masa kini, memerlukan mereka untuk mempunyai personaliti yang yakin dan berani. Oleh kerana murid yang saya kenalpasti ini mempunyai kebolehan dalam membaca dan mengira, saya yakin bahawa masalah ini boleh dibendung. Seterusnya adalah guru perlu menerapkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berbentuk simulasi atau lakonan. Kaedah ini mampu untuk memupuk sifat yakin dalam diri murid untuk ke hadapan dan membuat interaksi bersama rakan sekelas.

Selain itu juga, guru boleh melakukan aktiviti yang melibatkan murid – murid untuk berkomunikasi dengan orang luar. Sebagai contoh untuk subjek matematik, topik nilai wang boleh dilaksanakan secara amali iaitu membuat aktiviti membeli makanan di kantin dan menerapkan elemen merentas kurikulum iaitu menggunakan kemahiran bertutur dalam subjek bahasa melayu. Guru boleh mengajar murid untuk menggunakan ayat yang mudah dan tepat semasa membuat aktiviti membeli makanan ini. Disamping itu juga, guru perlu mengaplikasikan terapi pskimotor untuk murid yang suka menundukkan wajah apabila berinteraksi dengan orang sekeliling. Kaedah terapi ini boleh dilakukan dengan cara membuat senaman muka yang memerlukan murid untuk mendongak ke atas dan memandang ke hadapan selama beberapa minit di dalam kelas.

Selain itu juga, teknik pengekal mata atau dikenali sebagai 'eye contact technique'. Teknik boleh dilaksanakan dengan cara meminta murid untuk melihat mata guru apabila berinteraksi. Sebagai contoh, guru boleh memberitahu murid "kamu boleh mendapat apa yang kamu inginkan (contoh: keluar untuk waktu rehat) apabila kamu memberi respon kepada saya dengan melihat wajah saya di hadapan". Teknik ini juga berkesan sekiranya guru meletakkan satu peneguhan yang positif

kepada anak murid seperti “Ya, saya suka cara kamu berkomunikasi dengan saya! Jom teruskan aktiviti ini”.

## **5. TEMPOH MASA PENYELESAIAN**

Tempoh masa penyelesaian adalah selama 1 minggu.

## **6. TINDAKAN SUSULAN**

Sebagai tindakan susulan, saya akan mencari lebih banyak teknik yang boleh diaplikasikan kepada anak murid saya. Hal ini kerana, teknik atau cadangan yang dicadangkan belum tentu sesuai dengan personaliti murid saya. Meningkatkan keyakinan diri murid mengambil masa yang agak panjang kerana ianya berkaitan dengan gaya personaliti seseorang murid yang telah wujud dalam tempoh yang lama dalam diri mereka. Oleh itu, penyesuaian teknik perlu diambil kira untuk menangani masalah ini.

## **7. TARIKH TINDAKAN SUSULAN DILAKSANAKAN**

Tarikh tindakan susulan dilaksanakan pada 18 Februari 2020.

## **8. KEBERKESANAN LANGKAH YANG DICADANGKAN**

Teknik – teknik yang dicadangkan untuk meningkatkan keyakinan diri murid dalam interaksi sosial mempunyai kesan yang baik kepada murid. Saya tidak dapat mengatakan bahawa teknik ini telah mengubah personaliti murid dan meningkatkan keyakinan diri murid secara total pada saat ini kerana masalah keyakinan ini memerlukan proses yang berterusan dan tidak dapat diselesaikan melalui satu teknik dalam tempoh masa yang singkat sahaja. Namun begitu, setelah melaksanakan beberapa teknik seperti meminta murid untuk membuat kaedah simulasi dan main peranan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, saya dapat melihat bahawa

murid – murid ini mampu untuk menghakis sifat pasif dan kurang keyakinan diri ini dalam diri mereka.

## 9. KESIMPULAN

Secara konklusinya, isu keyakinan ini mampu diatasi dengan sebaiknya sekiranya para guru sentiasa komited dalam merancang intervensi dan menyuntik motivasi dalam diri murid – murid. Sekiranya kita membiarkan mereka untuk terus berada di tahap keyakinan diri yang rendah dan membuat penilaian berdasarkan sehelai kertas diagnosis mereka, kita akan terlepas peluang untuk melihat keunikan dan kebolehan mereka sebagai seorang yang berpotensi untuk pergi lebih jauh dan berani untuk berinteraksi dengan orang sekeliling. Guru perlu bersikap proaktif untuk terus meningkatkan semangat dan keyakinan mereka untuk berinteraksi dan mempunyai keyakinan sendiri.

## RUJUKAN

- Norshidah Mohammad Salleh & Khalim Zainal. (2010). How and why visually impaired students socially behave the way they do. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. 89 – 97.
- Sacks, S.Z. & Silberman, R.K. (2000). Social skills. *Foundation of education: Instructional strategies for teaching children and youth with visual impairment*. 616 – 652.

**Pandangan / komen guru pembimbing**

---

---

**Tandatangan :**

**Nama :**

**Tarikh :**

**Pandangan / komen pensyarah penyelia**

---

---

**Tandatangan :**

**Nama :**

**Tarikh :**

**JURNAL REFLEKTIF MINGGUAN**

| MINGGU |
|--------|
| 3      |

**Bilangan Jurnal** : Ketiga

**Tajuk** : Diskriminasi jantina.

**1. ISU YANG DIFOKUSKAN**

Di Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI) SMK Pulau Nyior, terdapat seorang murid perempuan yang telah mempunyai diagnosis sebagai murid Sindrom Down atau dikenali sebagai trisomy 21. Seperti mana yang diketahui, Sindrom down merupakan penyakit keturunan disebabkan oleh pertambahan pada kromosom nombor 21 yang terdapat pada seorang kanak – kanak (Zuriahwati Mat Minin, 2012). Antara masalah yang dihadapi oleh kanak – kanak sindrom down ini adalah mereka mempunyai masalah kognitif yang amat rendah. Pada minggu ini, saya dapati bahawa murid ini mempunyai masalah mendiskriminasi jantina. Beliau mempunyai perasaan yang negatif terhadap kaum lelaki seperti rakan sekelasnya dan juga orang lelaki di kawasan sekolah seperti penjual di kantin sekolah.

Masalah diskriminasi jantina ini telah membuatkan dia sering merajuk dan memarahi saya sekiranya saya bercakap dengan murid – murid lelaki di dalam kelas. Keadaan ini kadangkala mengganggu sesi pengajaran dan pembelajaran saya di dalam kelas di mana saya perlu mengawal kemarahannya apabila saya melakukan interaksi bersama murid – murid lelaki. Selain itu, beliau juga mempunyai tanggapan negatif terhadap murid lelaki di mana beliau merasakan bahawa murid – murid lelaki adalah golongan yang sering membuatkan dirinya marah walaupun sebenarnya murid – murid lelaki di dalam kelas tersebut tidak menghiraukan serta mengacau dirinya. Isu ini perlu saya tangani agar dapat mengubah persepsinya untuk melihat murid – murid lelaki sebagai bukan musuh malah sebagai rakan sekelasnya.

## **2. ANALISIS ISU YANG DIFOKUSKAN (PUNCA DAN KESAN ISU)**

Berdasarkan pemerhatian dan juga maklumat yang saya perolehi dari gur – guru dan pembantu pengurusan murid, saya dapati bahawa murid ini sememangnya mempunyai masalah mendiskriminasi murid lelaki. Beliau kerap memarahi murid lelaki tanpa sebab yang munasabah. Namun begitu beliau mempunyai hubungan yang baik dengan bapa dan adik beradiknya yang lain. Saya melihat bahawa isu ini telah memberikan kesan kepadanya untuk memberikan perhatian di dalam kelas dan menjalani aktiviti yang saya laksanakan bersama murid – murid lelaki yang lain. Oleh itu, saya perlu cuba untuk menyakinkan dirinya bahawa tidak semua manusia yang berjantina lelaki perlu dimarahi dan dilihat sebagai seorang musuh.

## **3. KAJIAN LAMPAU (LITERATURE REVIEW) TERHADAP ISU (PENGALAMAN ATAU KAJIAN LEPAS)**

D Orothea Pienaar (2012) menyatakan bahawa kanak – kanak sindrom down mempunyai masalah dalam kemahiran kognitif. Mereka tidak mampu membuat pemikiran yang rasional serta mempunyai persepsi sosial yang bertentangan dengan norma masyarakat. Kadar Intelligent Quotient (IQ) mereka adalah antara 35 dan 70 dan dengan purata sebanyak 55. Ini menunjukkan mereka sukar untuk berfikir dengan baik dan mempunyai pemahaman berkaitan dengan sosial dan akademik yang sangat rendah.

## **4. CADANGAN DAN IDEA PENYELESAIAN MASALAH**

Berdasarkan isu ini, saya mendapati bahawa ada beberapa cadangan yang boleh dijadikan panduan untuk saya mengubah persepsi murid ini dalam mendiskriminasikan murid lelaki. Antaranya adalah saya perlu kerap untuk memberitahu kepadanya bahawa rakan – rakan lelaki di sekelilingnya adalah orang yang baik dan boleh membantu untuk melindungi dirinya dan menolongnya di saat ditimpa kesusahan seperti membantu mengangkat begnya. Saya sedar bahawa

cadangan ini agak sukar untuk beliau faham. Namun begitu saya yakin sekiranya saya menyatakan perkara ini secara kerap, beliau mampu untuk memahami apa yang saya ingin sampaikan.

Selain itu juga, saya perlu memperbanyakkan kaedah pembelajaran secara koperatif agar beliau sentiasa mempunyai semangat bekerjasama dan berpasukan antara rakan – rakan yang berlainan jantina. Disamping itu juga, saya perlu meningkatkan semangat persahabatan antara beliau dan rakan sekelasnya yang lain dimana mereka perlu memberikan salam dan senyuman setiap kali mereka berjumpa. Amalan ini mampu untuk meningkatkan hubungan yang positif antara murid – murid terutamanya murid yang mempunyai masalah mendiskriminasikan jantina ini.

#### **5. TEMPOH MASA PENYELESAIAN**

Tempoh masa penyelesaian adalah selama 3 minggu.

#### **6. TINDAKAN SUSULAN**

Sebagai tindakan susulan, saya akan memantau dirinya untuk tidak memarahi murid lelaki tanpa sebab dan memberikan penegasan positif sekiranya beliau berjaya menunjukkan tingkah laku yang baik terhadap murid – murid lelaki di dalam kelasnya.

#### **7. TARIKH TINDAKAN SUSULAN DILAKSANAKAN**

Tarikh tindakan susulan dilaksanakan pada 26 Februari 2020.

#### **8. KEBERKESANAN LANGKAH YANG DICADANGKAN**

Saya mendapati bahawa cadangan yang diusulkan adalah sesuai dengan murid tersebut. Hal ini kerana walaupun beliau suka merajuk dan memarahi tanpa sebab, berdasarkan pemerhatian saya, beliau adalah seorang yang mudah mendengar arahan guru dan mudah faham apa yang guru sampaikan kepadanya.

Sebagai contoh, sekiranya beliau sedang dalam keadaan marah, saya sering menyuruh beliau untuk bertenang dan tarik nafas ketika marah. Arahan ini diterima dan beliau melakukan apa yang saya suruh. Oleh itu, saya perlu untuk sentiasa menyampaikan pesanan kepadanya bahawa beliau perlu berkawan dengan murid – murid lelaki kerana murid – murid lelaki merupakan kawan sekelasnya yang harus disayangi dan tidak boleh dimarahi tanpa sebab.

## **9. KESIMPULAN**

Natijahnya, sebagai seorang guru, saya merasakan bahawa isu ini tidak boleh dipandang enteng kerana kehidupan sebagai seorang manusia memerlukan kita untuk bersosialisasi bersama orang yang berlainan jantina. Sekiranya kita mempunyai murid yang mempunyai masalah mendiskriminasikan jantina yang berlainan dengan dirinya, kita perlu mengambil langkah yang efektif untuk mengubah persepsi ini agar mereka mempunyai satu kesedaran untuk menghormati orang yang berlainan jantina dengan dirinya.

## **RUJUKAN**

- Zuriahwati Mat Minin. (2012). Penerapan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran ke atas kanak – kanak sindrom down. 23 – 56.
- D Orothea Pienaar. (2012). Music therapy for children with Sindrom Down: *Perceptions of caregivers in a special school setting*. 1- 42.

**Pandangan / komen guru pembimbing**

---

---

**Tandatangan :**

**Nama :**

**Tarikh :**

**Pandangan / komen pensyarah penyelia**

---

---

**Tandatangan :**

**Nama :**

**Tarikh :**

**JURNAL REFLEKTIF MINGGUAN****MINGGU****4****Bilangan Jurnal** : Keempat**Tajuk** :Pemikiran yang negatif terhadap diri sendiri.**1. ISU YANG DIFOKUSKAN**

Sepanjang 4 minggu saya menjalani praktikum di Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI), SMK Pulau Nyior ini, saya mendapati bahawa Murid Berkeperluan Khas (MBK) kategori masalah pembelajaran disini seringkali mempunyai motivasi yang sangat rendah untuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran bersama guru di dalam kelas. Mereka umpama berada dalam satu kolam ketakutan untuk melakukan kesilapan dan tidak mempercayai kebolehan yang mereka alami. Ayat “saya tidak boleh”, “saya tidak pandai”, “saya malu” seringkali menjadi zikir yang sering diulang yang mampu melindungi diri mereka daripada bersama dengan guru dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh, terdapat 3 orang murid lelaki yang sentiasa menyatakan bahawa mereka tidak ‘pandai’ untuk membaca dan malu dengan guru sekiranya mereka melakukan kesalahan. Sifat ini menjadi satu halangan untuk mereka mencuba sesuatu yang baru dan menguasai kemahiran yang perlu mereka kuasai.

**2. ANALISIS ISU YANG DIFOKUSKAN (PUNCA DAN KESAN ISU)**

Isu keyakinan diri ini sudah saya usulkan pada jurnal bilangan yang kedua, namun terdapat perbezaan mengenai isu keyakinan diri yang diusulkan pada jurnal kali ini. Berdasarkan pemerhatian saya semasa bersama dengan murid – murid ini semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dilakukan, mereka mengawal diri mereka dengan mengungkapkan ayat “saya tidak pandai”, “saya tidak boleh”, “saya malu” sebagai mekanisme untuk mereka tidak dipanggil oleh guru untuk belajar dan

mengikuti segala aktiviti yang disediakan oleh guru. Pada hakikatnya, mereka semua berkebolehan untuk melakukan aktiviti yang disusun atur oleh guru. Ini kerana guru telah mengetahui tahap kebolehan mereka melalui ujian diagnostik yang dilaksanakan dan laporan rancangan pengajaran individu yang telah disediakan oleh guru – guru di PPKI tersebut. Oleh itu, setiap aktiviti yang dilakukan sangat menepati kebolehan mereka dalam melaksanakannya. Saya percaya bahawa sekiranya murid – murid ini seringkali menyebut ayat – ayat negatif ini, mereka seolah – olah sedang membentuk satu '*mind setting*' yang bersifat negatif dan menghalang mereka untuk terus mempelajari dan menguasai sesuatu kemahiran dalam kehidupan mereka. Justeru, saya memperkenalkan sistem token untuk meningkatkan semangat mereka dan membuang segala cas negatif yang menyelubungi jiwa mereka untuk terus maju ke hadapan.

### **3. KAJIAN LAMPAU (LITERATURE REVIEW) TERHADAP ISU (PENGALAMAN ATAU KAJIAN LEPAS)**

Menurut Noor Hayati (2000), murid pendidikan khas bukan sahaja mempunyai tingkah laku yang negatif malah lazimnya mereka turut mempunyai pemikiran atau persepsi yang negatif terhadap kebolehan diri mereka. Pemikiran yang negatif ini membuatkan diri mereka untuk terus berada dalam momentum yang sama dan melakukan tingkah laku yang negatif seperti tidur di dalam kelas dan situasi ini membuatkan mereka mempunyai motivasi yang rendah untuk belajar dan lebih teruk lagi adalah mereka akan keciciran dalam pelajaran.

### **4. CADANGAN DAN IDEA PENYELESAIAN MASALAH**

Berdasarkan isu ini, saya mendapati bahawa terdapat beberapa cadangan yang boleh membantu saya untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh murid – murid ini. Antaranya adalah dengan memperkenalkan token ganjaran kepada mereka. Saya merasakan ini adalah satu jalan yang terbaik untuk saya membendung

masalah ini. Hal ini kerana token ekonomi merupakan satu motivasi ekstrinsik yang mampu menaikkan motivasi murid – murid untuk terus belajar. Lazimnya, kanak – kanak merupakan ciptaan tuhan yang gemarkan ganjaran yang berbentuk luaran. Mereka amat seronok jika mendapat hadiah atau apa – apa sahaja perkara secara percuma dan berharga buat mereka. Cadangan token ganjaran ini amat selari dengan kajian yang dilaksanakan oleh Ngu Mee Kok (2009), di mana pengkaji menyatakan token ganjaran bukan sahaja meningkatkan mutu kawalan tingkah laku murid di dalam kelas malah meningkatkan prestasi dan motivasi murid untuk terus belajar dan memperbaiki kelemahan diri. Oleh itu, pengenalan token ekonomi sangat dirasakan membantu untuk mereka terus ke hadapan. Selain itu juga, teknik pengajaran yang bersesuaian sangat penting untuk membantu murid – murid ini. Saya perlu sentiasa menggunakan teknik pujian yang mendorong mereka untuk belajar. Sebagai contoh, “Pandai, anak murid cikgu!”, “Bagus, jawapan kamu sangat tepat!”, “Cikgu suka semangat kamu pada hari ini”. Saya merasakan setiap kejayaan mereka perlu diberikan pujian walaupun kejayaan itu dirasakan kecil bagi mereka.

## **5. TEMPOH MASA PENYELESAIAN**

Tempoh masa penyelesaian adalah selama 1 minggu.

## **6. TINDAKAN SUSULAN**

Sebagai tindakan susulan, saya akan memperkenalkan token ekonomi dan meminta murid – murid untuk memberitahu saya apakah perkara yang menghalang mereka untuk terus mempunyai pemikiran yang negatif ini. Jawapan daripada murid – murid ini sangat penting untuk saya membuat analisis tentang permasalahan yang mereka hadapi ini.

## **7. TARIKH TINDAKAN SUSULAN DILAKSANAKAN**

Tarikh tindakan susulan dilaksanakan pada 4 Mac 2020.

## 8. KEBERKESANAN LANGKAH YANG DICADANGKAN

Saya mendapati bahawa cadangan mengenai token ekonomi dan juga teknik pujian yang dilakukan sangat bersesuaian untuk diperkenalkan kepada murid – murid yang mempunyai pemikiran yang negatif dan motivasi yang rendah ini. Mereka sangat gembira belajar apabila mendapat ganjaran yang bersifat ekstrinsik ini. Selain itu, mereka amat gemar apabila pujian diberikan kepada diri mereka. Oleh itu, sebagai seorang guru, saya perlu peka mengenai peningkatan mereka dalam mempelajari sesuatu perkara agar saya dapat memberi sokongan dan pujian yang berterusan untuk mereka.

## 9. KESIMPULAN

Secara konklusinya, adalah menjadi peranan guru untuk menghakis pemikiran negatif yang terdapat dalam diri murid – murid. Murid – murid yang mempunyai pemikiran yang negatif terhadap diri dan kebolehan mereka seharusnya diberi galakan dan sokongan yang kerap. Hal ini kerana, jika dibiarkan pemikiran negatif ini terus bersawang dalam minda mereka, murid – murid akan hilang keyakinan diri untuk terus belajar dan memajukan potensi yang ada dalam diri mereka dalam semua aspek kehidupan.

## RUJUKAN

- Ngu Mee Kok. (2009). Meningkatkan keberkesanan kawalan kelas menggunakan kaedah ganjaran dan hukuman untuk murid tahun 3. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMPSN amb. Januari 2009*, Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL. 132 – 146.
- Noor Hayati Mustaffa (2000). Menguji keberkesanan token dalam mempengaruhi pencapaian mata pelajaran matematik. 24 – 30.

**Pandangan / komen guru pembimbing**

---

---

**Tandatangan** :

**Nama** :

**Tarikh** :

**Pandangan / komen pensyarah penyelia**

---

---

**Tandatangan** :

**Nama** :

**Tarikh** :

**JURNAL REFLEKTIF MINGGUAN**

|               |
|---------------|
| <b>MINGGU</b> |
| <b>5</b>      |

**Bilangan Jurnal** : Kelima

**Tajuk** : Ketidakhadiran ke sekolah

**1. ISU YANG DIFOKUSKAN**

Minggu ini merupakan minggu kelima saya menjalani praktikum di Program Pendidikan Khas Intergrasi SMK Pulau Nyior. Hubungan saya bersama warga sekolah terutamanya bersama guru PPKI dan murid – murid menjadi semakin rapat. Setiap sesi pengajaran dan pembelajaran juga telah berjalan dengan lancar dan sempurna. Namun begitu, berdasarkan pemerhatian pada minggu ini, saya mendapati bahawa ada seorang murid yang mempunyai masalah untuk hadir ke sekolah pada setiap hari Ahad dan Khamis. Sepanjang 5 minggu menjalani praktikum ini, saya mendapati bahawa murid ini hanya akan hadir ke sekolah pada setiap hari Isnin, Selasa dan Rabu sahaja. Ketidakhadiran ke sekolah ini telah menyebabkan dirinya tertinggal pelbagai kemahiran dan pembelajaran di dalam kelas. Sebagai seorang guru, saya melihat isu ini sebagai isu yang memerlukan jalan penyelesaian secepat mungkin.

**2. ANALISIS ISU YANG DIFOKUSKAN (PUNCA DAN KESAN ISU)**

Kehadiran murid ke sekolah adalah merupakan perkara yang penting. Tanpa bilangan murid yang mencukupi di dalam kelas, guru tidak dapat melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan sempurna. Hal ini kerana, dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, guru telah menyusun pelbagai aktiviti termasuklah aktiviti pembelajaran koperatif yang memerlukan murid – murid untuk bekerjasama dengan rakan sekelas yang lain di dalam kelas. Dalam isu ini, seorang murid didapati

tidak hadir ke sekolah pada hari Ahad dan Khamis secara kerap. Ini bermakna, setiap minggu beliau akan hadir ke sekolah hanya sebanyak 3 hari sahaja. Saya mengajar murid ini matapelajaran matematik pada hari Khamis. Seperti yang kita ketahui, kemahiran mengira di dalam matapelajaran matematik merupakan antara kemahiran yang penting yang perlu dikuasai oleh murid khususnya Murid Berkeperluan Khas (MBK). Ketika sesi temubual diadakan bersamanya, saya telah bertanya kepada murid ini apakah punca beliau kerap tidak hadir ke sekolah pada hari Ahad dan Khamis? Beliau memberikan jawapan 'malas' sebagai alasan untuk tidak hadir ke sekolah. Beliau juga mengatakan bahawa beliau mempunyai perancangan untuk berhenti dari sekolah dan mahu tinggal di rumah sahaja. Perkara ini amat merisaukan saya kerana saya melihat diri murid ini sebagai seorang yang berpotensi dalam bidang kemahiran khususnya kemahiran dalam melaksanakan kerja – kerja di ladang sekolah dan kemahiran membuat wafer. Oleh itu, langkah konkrit dan sistematik perlu diambil untuk membantu murid ini mempunyai keseronokan dan semangat untuk hadir ke sekolah pada setiap hari seperti rakan – rakannya yang lain.

### **3. KAJIAN LAMPAU (LITERATURE REVIEW) TERHADAP ISU (PENGALAMAN ATAU KAJIAN LEPAS)**

Ketidakhadiran ke sekolah didefinisikan sebagai ponteng sekolah yang dilakukan dengan sengaja dan tidak mempunyai alasan yang munasabah (Rasidah Omar, 2004). Menurut Mohamad Syamsul (2011), murid Pendidikan Khas yang suka ponteng sekolah dan kelas kebiasaanya akan menghadapi masalah dalam menguasai pembelajaran serta menguasai 3 kemahiran seperti membaca, menulis dan mengira. Sikap tidak suka hadir ke sekolah ini akan membuatkan mereka tertinggal dan lupa akan pembelajaran yang telah diikuti sebelum ini di sekolah. Hal ini akan menjadi semakin parah sekiranya tiada sebarang tindakan di ambil ke atas kesalahan yang dilakukan oleh murid – murid ini.

#### 4. CADANGAN DAN IDEA PENYELESAIAN MASALAH

Berdasarkan kepada isu pada minggu ini iaitu masalah ketidakhadiran murid. Terdapat beberapa cadangan yang sesuai untuk membendung masalah ini. Pertama adalah guru perlu memberikan perhatian yang lebih kepada murid ini semasa di dalam kelas. Perhatian dapat diberikan dengan cara melihat tahap perkembangan murid dalam melaksanakan lembaran kerja yang diberikan oleh guru dan juga tahap keseronokan yang ditunjukkan oleh murid di dalam kelas. Guru juga boleh berbual bersama murid untuk mengetahui lebih lanjut gaya pembelajaran murid sama ada murid lebih menyukai untuk belajar secara individu atau berkumpulan. Apabila guru mengetahui apa yang disukai oleh murid, guru berpeluang untuk menyusun strategi dan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan murid dan seterusnya dapat meningkatkan minat murid untuk belajar. Hal ini kerana pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan merupakan kunci utama untuk menarik minat murid untuk terus belajar dan memberikan perhatian di dalam kelas.

Kedua, disebabkan faktor 'kemalasan' adalah faktor utama yang dinyatakan oleh murid yang tidak hadir ini, oleh itu guru perlu meningkatkan lagi motivasi murid untuk menjadi rajin dan semangat ke sekolah. Motivasi dapat disuntik melalui pelbagai cara. Salah satu cara yang sesuai untuk situasi ini adalah guru boleh meningkatkan lagi 'token ekonomi' yang ditawarkan kepada murid. Sebagai contoh, jika sebelum ini guru menawarkan atau memberikan token ekonomi seperti barang yang mudah didapati oleh murid, jadi guru boleh membuat sedikit penambahbaikan kepada nilai token yang diberikan sebelum ini seperti memberikan set alat tulis atau barang yang diinginkan oleh murid. Ketiga, guru juga boleh berbincang dan berjumpa bersama dengan ibu bapa murid untuk mengetahui dengan lebih lanjut apakah masalah yang menyebabkan murid tidak hadir ke sekolah. Perbincangan dan

kerjasama bersama ibu bapa amat penting untuk guru membantu murid untuk hadir ke sekolah dengan lebih kerap.

## **5. TEMPOH MASA PENYELESAIAN**

Tempoh masa penyelesaian adalah selama 1 minggu.

## **6. TINDAKAN SUSULAN**

Sebagai tindakan susulan, saya akan cuba untuk mengimplimentasikan cadangan – cadangan yang telah saya usulkan dan juga akan melihat rekod kehadiran murid dengan lebih kerap. Sekiranya murid masih memilih untuk tidak hadir ke sekolah tanpa sebab yang munasabah, saya akan cuba untuk mendekati murid ini secara persendirian dan cuba untuk membuat sesi terapi bercerita untuk mengetahui dengan lebih lanjut masalah yang beliau alami selain ‘malas’ untuk ke sekolah.

## **7. TARIKH TINDAKAN SUSULAN DILAKSANAKAN**

Tarikh tindakan susulan dilaksanakan pada 9 Mac 2020.

## **8. KEBERKESANAN LANGKAH YANG DICADANGKAN**

Masalah ketidakhadiran ke sekolah ini merupakan masalah yang sering dilakukan oleh murid – murid di sekolah. Sebagai seorang guru, langkah – langkah untuk mengatasi masalah ini perlu dilaksanakan secara berkesan. Hal ini kerana masalah ketidakhadiran ke sekolah atau ponteng sekolah ini akan menyebabkan murid – murid ketinggalan dalam pelbagai matapelajaran dan kemahiran yang sepatutnya mereka pelajari. Dalam isu ini, guru telah dapat melaksanakan 2 langkah untuk membendung masalah ini iaitu mengubah strategi pengajaran yang lebih menyeronokkan seperti menyediakan bahan bantu mengajar kepada murid yang lebih kreatif dan juga meningkatkan nilai token ekonomi kepada barang yang sukar

didapati oleh murid. Berdasarkan pemerhatian guru, langkah ini telah berjaya menarik minat murid untuk ke sekolah pada minggu ini. Langkah – langkah yang seterusnya akan dilaksanakan untuk meningkatkan motivasi murid untuk hadir ke sekolah pada setiap hari.

## **9. KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, guru perlu mengambil cakna terhadap rekod kehadiran murid ke sekolah. Murid – murid Pendidikan Khas sepatutnya tidak boleh diberikan peluang dan pengecualian untuk tidak hadir ke sekolah tanpa sebab yang munasabah. Hal ini kerana sesi pembelajaran dan pengajaran di sekolah amat penting untuk mereka meningkatkan kemahiran mereka khususnya kemahiran membaca, menulis dan mengira. Seandainya mereka tidak diberikan perhatian dan dibiarkan untuk terus tidak hadir ke sekolah, mereka akan berpotensi untuk ketinggalan dalam pelbagai aspek.

## **RUJUKAN**

Rasidah Omar. (2004). Penghantar bimbingan dan kaunseling, Kuala Lumpur.

Mohamad Syamsul. (2011). Pengaruh persekitaran sekolah terhadap masalah disiplin pelajar dan kaedah pengurusan disiplin. Universiti Teknologi Malaysia. 1 – 57.

**Pandangan / komen guru pembimbing**

---

---

**Tandatangan** :

**Nama** :

**Tarikh** :

**Pandangan / komen pensyarah penyelia**

---

---

**Tandatangan** :

**Nama** :

**Tarikh** :

**JURNAL REFLEKTIF MINGGUAN**

| MINGGU |
|--------|
| 6      |

**Bilangan Jurnal** : Keenam

**Tajuk** : Ketidakhadiran murid pada musim covid-19.

**1. ISU YANG DIFOKUSKAN**

Minggu ini merupakan minggu pertama saya menjalani praktikum di Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI) SMK Pulau Nyior setelah hampir 5 bulan praktikum tertangguh disebabkan oleh arahan dari Majlis Keselamatan Negara mengarahkan rakyat Malaysia untuk mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan yang melibatkan beberapa fasa bermula dari bulan Mac tahun 2020. Pandemik Covid-19 telah mengancam rakyat Malaysia daripada pelbagai aspek termasuk aspek pendidikan. Rata - rata murid di Malaysia tidak dapat mengikuti pengajian secara sempurna akibat daripada wabak yang kian berleluasa. Pada minggu ini, ramai murid - murid dari PPKI SMK Pulau Nyior tidak dapat menghadirkan diri ke sekolah kerana terdapat peningkatan kes berdekatan dengan mukim sekolah.

**2. ANALISIS ISU YANG DIFOKUSKAN (PUNCA DAN KESAN ISU)**

Isu ketidakhadiran murid ini amat memberi kesan untuk saya melaksanakan rancangan pengajaran harian saya. Jika sebelum ini hanya ada dua atau tiga orang murid sahaja yang tidak hadir ke sekolah, namun kalini apa yang saya dapat perhatikan adalah hampir dari 90% murid dari PPKI SMK Pulau Nyior tidak dapat hadir ke sekolah pada hari Ahad, Isnin dan Selasa. Peratusan yang banyak ini amat membimbangkan saya dan guru - guru yang lain. Mengikut rekod dan maklumat dari Penyelaras PPKI SMK Pulau Nyior, sepatutnya hanya 3 orang murid sahaja yang diberikan kelonggaran untuk tidak hadir ke sekolah pada tempoh yang ditetapkan

kerana mereka berada di mukim yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD). Murid - murid yang lain perlu hadir ke sekolah seperti biasa jika tidak mempunyai sebarang simptom bergejala seperti demam dan batuk. Melihat kepada isu ini, sebagai seorang guru saya perlu mengambil langkah untuk mengesan sebab ketidakhadiran murid - murid ke sekolah pada minggu ini.

### **3. KAJIAN LAMPAU (LITERATURE REVIEW) TERHADAP ISU (PENGALAMAN ATAU KAJIAN LEPAS)**

Ketidakhadiran ke sekolah didefinisikan sebagai ponteng sekolah yang dilakukan dengan sengaja dan tidak mempunyai alasan yang munasabah (Rasidah Omar, 2004). Namun begitu, pada musim Covid-19 ini, isu ini sudah menjadi kebiasaan di sekolah semenjak Kementerian Pendidikan Malaysia memberi arahan untuk membuka kembali sesi persekolahan dan ianya telah menjadi satu kebimbangan kepada ibu bapa untuk melepaskan anak - anak menghadiri sesi persekolahan. Kebimbangan ini tidak dapat disangkal kerana virus covid-19 ini adalah virus yang mudah dijangkiti (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020) dan murid - murid perlu mematuhi setiap SOP yang ditetapkan oleh pihak guru dan sekolah.

### **4. CADANGAN DAN IDEA PENYELESAIAN MASALAH**

Antara cadangan untuk menyelesaikan isu pada minggu ini ialah pertama, saya perlu mengenalpasti sebab ketidakhadiran murid - murid ke sekolah. Berdasarkan perbualan bersama dengan penyelia PPKI SMK Pulau Nyior, antara sebab murid - murid tidak hadir ke sekolah kerana ibu bapa mempunyai rasa takut untuk menghantar anak ke sekolah. Hal ini kerana mereka merasakan di sekolah, keadaan adalah tidak selamat dan anak mereka mudah untuk dijangkiti sebarang penyakit. Manakala, antara sebab yang lain pula adalah murid - murid ini mempunyai simptom gejala seperti batuk dan demam. Setelah mengetahui sebab ini, antara

cadangan untuk membendung murid dari tidak hadir ke sekolah adalah pihak PPKI SMK Pulau Nyior perlu meyakinkan pihak ibu bapa bahawa anak - anak mereka akan berada dalam keadaan yang selamat di mana pihak sekolah dan guru sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan seperti menjaga jarak antara murid, memaki pelitup muka dan mengarahkan murid untuk kerap mencuci tangan. Selain itu juga, surat rasmi perlu diberikan kepada guru sekiranya anak - anak tidak dapat hadir ke sekolah. Hal ini kerana surat ini mampu dijadikan rujukan rasmi untuk tujuan dokumentasi kelak.

## **5. TEMPOH MASA PENYELESAIAN**

Tempoh masa penyelesaian adalah selama 1 minggu.

## **6. TINDAKAN SUSULAN**

Sebagai tindakan susulan, saya akan cuba untuk mengimplimentasikan cadangan – cadangan yang telah saya usulkan dan juga akan melihat rekod kehadiran murid pada beberapa minggu ini. Sekiranya murid masih memilih untuk tidak hadir ke sekolah tanpa sebab yang munasabah, saya akan cuba untuk meminta pihak PPKI menghubungi pihak ibubapa untuk mengetahui status kesihatan murid.

## **7. TARIKH TINDAKAN SUSULAN DILAKSANAKAN**

Tarikh tindakan susulan dilaksanakan pada 12 Ogos 2020.

## **8. KEBERKESANAN LANGKAH YANG DICADANGKAN**

Pada musim pandemik Covid-19 ini, isu ketidakhadiran murid merupakan isu yang hangat di mana - mana sekolah. Oleh itu, langkah – langkah untuk mengatasi masalah ini perlu dilaksanakan secara berkesan. Hal ini kerana masalah

ketidakhadiran ke sekolah ini akan menyebabkan murid – murid ketinggalan dalam pelbagai matapelajaran dan kemahiran yang sepatutnya mereka pelajari. Menghubungi ibu bapa dan waris merupakan antara langkah yang sangat berkesan untuk mengetahui sebab ketidakhadiran murid.

## **9. KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, guru perlu sentiasa prihatin untuk memantau rekod kehadiran murid ke sekolah. Pandemik Covid-19 ini tidak boleh dijadikan alasan kepada ibu bapa untuk tidak menghantar anak - anak ke sekolah tanpa sebab yang munasabah. Pihak ibu bapa perlu sentiasa mempercayai pihak sekolah dalam mengurus dan melaksanakan SOP di kawasan sekolah. Ketidakhadiran murid ke sekolah dalam jangka masa yang lama akan menyebabkan murid tidak dapat menguasai pelbagai kemahiran khususnya kemahiran membaca, menulis dan mengira bagi murid Pendidikan Khas.

## **RUJUKAN**

Rasidah Omar. (2004). Penghantar bimbingan dan kaunseling, Kuala Lumpur.

Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). Garis Panduan Kementerian Kesihatan Malaysia. 1 - 10.

**Pandangan / komen guru pembimbing**

---

---

**Tandatangan** :

**Nama** :

**Tarikh** :

**Pandangan / komen pensyarah penyelia**

---

---

**Tandatangan** :

**Nama** :

**Tarikh** :

**JURNAL REFLEKTIF MINGGUAN****MINGGU****7****Bilangan Jurnal** : Ketujuh**Tajuk** : Bahan Bantu Mengajar Matematik**1. ISU YANG DIFOKUSKAN**

Minggu ini saya berpeluang untuk mengajar subjek Matematik bagi 2 buah kelas iaitu kelas Mahiri Amanah dan Mahiri Bestari. Saya telah meluangkan banyak masa saya di kelas Mahiri Amanah kerana saya telah diarahkan untuk menggantikan guru yang tidak dapat hadir pada minggu ini iaitu Encik Zaini. Sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran Matematik di kelas Mahiri Amanah, saya mendapati bahawa ada seorang murid yang mempunyai kefasihan dalam membaca namun mempunyai tahap penguasaan yang rendah dalam mengira. Sebagai contoh, pada minggu saya telah mengajar murid dari kelas ini topik operasi tambah tanpa mengumpul semula. Merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, topik ini merupakan topik yang penting untuk dikuasai oleh murid sebelum mereka beralih kepada topik yang lebih mencabar iaitu topik pendaraban dan bahagi.

Namun begitu, saya melihat bahawa topik operasi tambah masih tidak mampu dikuasai sepenuhnya oleh murid - murid dari kelas ini. Saya mendapati bahawa ada seorang murid yang sukar untuk membuat operasi tambah apabila tiada bahan bantu mengajar (BBM) yang diberikan oleh guru seperti batang aiskrim atau apa - apa sahaja alatan yang dapat membantu dirinya membuat pengiraan. Oleh itu, isu ini adalah sangat menarik untuk saya ketengahkan demi membantu murid - murid dalam menguasai aspek pengiraan dalam akademik mereka.

**2. ANALISIS ISU YANG DIFOKUSKAN (PUNCA DAN KESAN ISU)**

Sebagai guru Pendidikan Khas, kita sudah sedia maklum bahawa murid - murid pendidikan khas mempunyai tahap kognitif yang agak rendah berbanding dengan murid di aliran perdana. Mereka mempunyai daya pemikiran yang lemah sehinggakan mereka tidak mampu untuk menguasai pengiraan dalam mata pelajaran matematik dengan sebaiknya. Kesan daripada memiliki tahap penguasaan mengira yang rendah, mereka sukar untuk mengikuti aktiviti yang dijalankan oleh guru di dalam kelas dan akan menyebabkan mereka mempunyai rasa takut apabila melihat nombor - nombor besar pada lembaran kerja dan kadangkala merasa bosan kerana tidak memahami konsep pengiraan dengan jayanya di dalam kelas.

### **3. KAJIAN LAMPAU (LITERATURE REVIEW) TERHADAP ISU (PENGALAMAN ATAU KAJIAN LEPAS)**

Menurut Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razalim dan Shamsuddin Othman (2016), bahan bantu mengajar memainkan peranan penting kearah memahami konsep di dalam proses pengajaran selain daripada bertujuan untuk menarik minat murid untuk belajar. Ianya juga merupakan instrumen dalam membantu pemahaman murid. Selain itu juga, peralatan bahan bantu mengajar dalam matapelajaran matematik mampu menjadi penggalak dalam penyampaian pelajaran (Zulkefly, 2017). Sekiranya bahan bantu mengajar digunakan dengan teratur semasa memberi penerangan, pengajaran yang disampaikan akan mencetuskan minat murid untuk belajar.

### **4. CADANGAN DAN IDEA PENYELESAIAN MASALAH**

Mata pelajaran Matematik merupakan mata pelajaran yang sangat menyeronokkan sekiranya guru mempunyai strategi pengajaran yang kreatif dan inovatif. Antara cadangan yang saya dapat berikan untuk menyelesaikan isu ini ialah pertama sebagai seorang guru, kita perlu sentiasa mempunyai semangat dan pemikiran yang kreatif dalam menghasilkan bahan bantu mengajar sebagai medium

untuk murid mencapai kriteria kejayaan yang telah kita tetapkan. Berdasarkan pengalaman saya dalam mengajar mata pelajaran Matematik dan Bahasa Melayu, saya dapat melihat bahawa mata pelajaran matematik memerlukan guru untuk menyediakan bahan bantu mengajar untuk mengajar. Terdapat pelbagai idea yang boleh diambil dari pelbagai media untuk menghasilkan bahan bantu mengajar. Oleh itu, setiap guru perlu sentiasa membuat persediaan rapi dalam menyediakan bahan bantu mengajar untuk mengajar murid - murid khususnya dalam Matematik.

Kedua, sebagai seorang guru, kita perlulah sentiasa mencipta formula matematik yang tersendiri untuk memudahkan murid - murid Pendidikan Khas memahami konsep matematik dengan lebih mudah. Sebagai contoh, untuk topik pembundaran, kita boleh mengajar murid - murid untuk mengetahui terlebih dahulu nombor kaya (5,6,7,8,9) dan nombor miskin (1,2,3,4) untuk memudahkan mereka membundarkan nilai tempat yang diberikan oleh guru. Selain itu juga, latihan dalam bentuk lembaran kerja perlu diberikan sekerap mungkin. Hal ini kerana untuk membolehkan mereka mempunyai kepantasan dalam mengira dan membiasakan diri mereka dengan nombor dan operasi yang terdapat dalam Matematik. Seterusnya, setiap guru perlu mengetahui tahap murid masing - masing sebelum melangkah ke peringkat pengajaran yang seterusnya.

## **5. TEMPOH MASA PENYELESAIAN**

Tempoh masa penyelesaian adalah selama 2 minggu.

## **6. TINDAKAN SUSULAN**

Sebagai tindakan susulan, saya akan cuba untuk mengimplimentasikan cadangan – cadangan yang telah saya usulkan dan menghasilkan lebih banyak bahan maujud sebagai bahan bantu mengajar saya dalam mata pelajaran Matematik ini. Saya juga akan menilai lembaran kerja murid untuk melihat prestasi mereka

dalam setiap topik yang diajar apabila menggunakan bahan bantu mengajar yang tela disediakan oleh saya.

## **7. TARIKH TINDAKAN SUSULAN DILAKSANAKAN**

Tarikh tindakan susulan dilaksanakan pada 18 Ogos 2020.

## **8. KEBERKESANAN LANGKAH YANG DICADANGKAN**

Saya merasakan bahawa setiap sesi pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Matematik memerlukan bahan bantu mengajar kerana apabila murid melihat lebih jelas barang yang hendak dikira atau ditolak, maka mereka akan lebih mudah untuk membuat segala aktiviti pengiraan di dalam kelas. Selain itu juga, mereka akan mudah untuk memahami konsep sekiranya mereka melihat sendiri bahan maujud yang dibawa oleh guru di dalam kelas. Seterusnya, bahan bantu mengajar ini bukan sahaja memudahkan mereka untuk memahami konsep matematik malah memberikan mereka keseronokkan untuk belajar dan menjadi satu kaedah 'didik hibur' dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

## **9. KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, guru perlu sentiasa rajin serta membuat persediaan awal untuk menghasilkan bahan bantu mengajar kepada murid - murid Pendidikan Khas untuk mempelajari mata pelajaran Matematik ini. Murid juga akan lebih seronok sekiranya mereka dapat belajar sambil bermain dan seterusnya dapat menguasai setiap operasi matematik yang diajar oleh guru dengan lebih mendalam.

## **RUJUKAN**

- Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiyah Razalim, & Shamsuddin Othman. (2016). Pengaplikasian teknik didik hibur meningkatkan pencapaian penulisan karangan Bahasa Melayu. Jurnal Pendidikan Malaysia, 41(1). 39-45.

Zulkifly Hamid. (2017). Aplikasi psikolinguistik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. 31-39.

**Pandangan / komen guru pembimbing**

---

---

**Tandatangan** :

**Nama** :

**Tarikh** :

**Pandangan / komen pensyarah penyelia**

---

---

**Tandatangan** :

**Nama** :

**Tarikh** :

**JURNAL REFLEKTIF MINGGUAN**

| MINGGU |
|--------|
| 8      |

**Bilangan Jurnal** : Kelapan

**Tajuk** : Pemakaian pendakap gigi palsu.

**1. ISU YANG DIFOKUSKAN**

Pada minggu ini, terdapat seorang murid yang telah hadir kembali ke sekolah setelah sekian lama beliau tidak hadir ke sekolah. Sebagai seorang guru, saya menyambut kedatangannya ke sekolah dengan penuh kegembiraan dan bertanya kepada beliau tentang keadaan dirinya, apakah aktiviti yang dilakukan semasa berada di rumah. Namun begitu, semasa berbual santai dengannya di dalam kelas, saya mendapati bahawa beliau telah memasang pendakap gigi di giginya. Saya berasa teruja melihat imej baru yang dibawa oleh dirinya dan dua persoalan telah timbul. Persoalan pertama, mengapakah beliau ingin memakai pendakap gigi sedangkan beliau tidak mempunyai masalah gigi yang teruk dan giginya sudah tersedia tersusun cantik. Persoalan kedua, di manakah beliau mendapat wang untuk membiayai kos membuat pendakap gigi yang menelan belanja yang agak besar?. Saya tidak membiarkan persoalan ini bermain diminda saya terlalu lama, saya telah bertanya terus kepada beliau untuk mendapatkan jawapan yang benar dan tepat. Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh beliau, saya mendapati bahawa beliau telah memakai pendakap gigi palsu yang dibuat di kawasan kampungnya. Setelah mengetahui hal ini, sebagai seorang guru, saya perlu mengambil tindakan kerana ini melibatkan kesihatan dan keselamatan seorang murid.

**2. ANALISIS ISU YANG DIFOKUSKAN (PUNCA DAN KESAN ISU)**

Dewasa ini, memakai pendakap gigi palsu telah menjadi satu '*trend*' kepada para remaja. Murid - murid Pendidikan Khas juga tidak terlepas dari mempunyai keinginan untuk mengikuti gaya terkini para remaja diluar sana. Hal ini kerana mereka telah didedahkan dengan pelbagai perkara yang ditayangkan di media sosial seperti di *Instagram*, *Facebook* dan juga di *Twitter*. Lambakan servis atau perkhidmatan memasang pendakap gigi palsu ini telah menjadikan perkhidmatan ini mudah untuk diperolehi di mana - mana sahaja. Selain itu juga, kos untuk memasang pendakap gigi palsu yang jauh lebih murah ini telah menjadikan para remaja terjebak untuk kelihatan cantik dan tampan tanpa memikirkan kesan jangka masa yang panjang terhadap gigi dan kesihatan diri mereka.

### **3. KAJIAN LAMPAU (LITERATURE REVIEW) TERHADAP ISU (PENGALAMAN ATAU KAJIAN LEPAS)**

Menurut Shah (2019), para remaja sangat gemar membuat perkhidmatan pendakap gigi palsu yang jauh lebih murah dari perkhidmatan yang dilakukan di klinik yang berdaftar dan pegawai perubatan yang diiktiraf. Namun, *trend* ini sebenarnya membahayakan diri mereka kerana pendakap gigi palsu ini berisiko tinggi untuk mendapat masalah gusi, ulser, jangkitan mulut, gigi bergoyang, kehilangan gigi dan lebih teruk lagi boleh mendapat kanser. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (2019), pemakaian gigi palsu ini akan menyebabkan pemakai terpaksa menanggung masalah gigi seumur hidup. Oleh itu, pihak yang menawarkan perkhidmatan ini boleh dikenakan tindakan undang - undang kerana telah memudaratkan serta membahayakan pengguna atau pelanggan.

### **4. CADANGAN DAN IDEA PENYELESAIAN MASALAH**

Berdasarkan kepada analisis isu dan maklumat daripada kajian lampau, saya mencadangkan beberapa alternatif kepada penyelesaian masalah ini. Pertama, guru perlu memberikan pendedahan kepada murid ini mengenai kesan buruk pemakaian

pendakap gigi palsu ini kepada diri mereka. Hal ini kerana, kemungkinan besar murid yang terlibat dengan pemakaian pendakap gigi palsu ini tidak mempunyai kesedaran mengenai bahayanya pendakap gigi palsu ini kepada diri mereka. Kedua, guru perlu menyiasat dimanakah tempat perkhidmatan ini dilakukan dan meminta murid untuk memberikan maklumat mengenai tempat, organisasi dan pihak yang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan pendakap gigi palsu ini. Ketiga, setelah mendapat maklumat mengenai perkhidmatan ini, guru boleh menghubungi dan menyiasat dengan lebih lanjut dan mendapatkan kesahihan mengenai perkhidmatan yang membahayakan pengguna ini dan seterusnya guru perlu membuat aduan kepada pihak berkuasa seperti Kementerian Kesihatan Malaysia agar pihak berkuasa ini mampu melakukan tindakan yang selanjutnya.

## **5. TEMPOH MASA PENYELESAIAN**

Tempoh masa penyelesaian adalah selama 1 minggu.

## **6. TINDAKAN SUSULAN**

Sebagai tindakan susulan, guru perlu bergerak dengan pantas untuk mendapatkan maklumat daripada murid mengenai pihak yang membuat perkhidmatan ini. Selain itu juga, guru perlu memberitahu dan berbincang dengan ibu bapa murid mengenai hal ini dan meminta ibu bapa untuk membawa anak mereka untuk ke Klinik Kesihatan yang berdekatan untuk tujuan memeriksa gigi murid dan meminta nasihat murid untuk membuat tindakan yang selanjutnya. Saya juga perlu menghubungi pihak aduan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memberitahu mengenai hal ini kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

## **7. TARIKH TINDAKAN SUSULAN DILAKSANAKAN**

Tarikh tindakan susulan dilaksanakan pada 24 Ogos 2020.

## **8. KEBERKESANAN LANGKAH YANG DICADANGKAN**

Saya merasakan bahawa dengan melaksanakan setiap langkah ini, murid akan terhindar daripada terus memakai pendakap gigi palsu yang membahayakan dirinya. Selain itu, murid juga akan mempunyai kesedaran bahawa kecantikan itu hanyalah sementara sahaja, apa yang lebih utama adalah kesihatan dan keselamatan dirinya.

## **9. KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, guru perlu sentiasa peka terhadap fizikal murid dan sentiasa menjadi seorang yang bertanggungjawab terhadap pelbagai aspek seperti akademik dan kesihatan murid. Sekiranya guru tidak mengambil cakna terhadap perkara ini, murid akan terus terjebak dengan memakai barang yang membahayakan diri mereka.

## **RUJUKAN**

Ib Shah. (2019). Pemakaian Pendakap Gigi Palsu. Kementerian Kesihatan Malaysia. 1 - 2.

Kementerian Kesihatan Malaysia. (2019). Adakah Fake Braces Terdedah Kepada Bahaya. 31-35.

**Pandangan / komen guru pembimbing**

---

---

**Tandatangan** :

**Nama** :

**Tarikh** :

**Pandangan / komen pensyarah penyelia**

---

---

**Tandatangan** :

**Nama** :

**Tarikh** :

**JURNAL REFLEKTIF MINGGUAN**

|               |
|---------------|
| <b>MINGGU</b> |
| <b>9</b>      |

**Bilangan Jurnal**

: Kesembilan

**Tajuk**

: Pengurusan masa bagi sesi pengajaran dan pemudahcaraan.

**1. ISU YANG DIFOKUSKAN**

Seorang guru bukan sahaja perlu mahir dalam menguruskan tingkahlaku murid. Malah seorang guru juga perlu mahir dalam menguruskan masa untuk mengajar dan mengatur segala aktiviti yang telah dirancang dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Sepertimana yang diketahui, pengajaran bagi mata pelajaran teras seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik perlu dilaksanakan mengikut kumpulan. Ini bermaksud, guru digalakkan mengadakan dua aktiviti atau langkah yang berbeza bagi setiap kumpulan pertama dan kedua. Sepanjang tempoh latihan mengajar ini saya telah banyak mempelajari teknik untuk mengawal tingkahlaku murid sepanjang sesi pengajaran dan pemudahcaraan berlangsung. Namun begitu, saya kadang kala terlepas pandang dari segi pengurusan masa bagi setiap aktiviti dilaksanakan. Sebagai contoh, pada pengajaran bagi mata pelajaran Matematik untuk kelas Mahiri Bestari pada minggu ini, saya telah mendapati bahawa aktiviti yang dirancang bagi setiap kumpulan tidak mempunyai durasi yang sama atas beberapa faktor tertentu yang akan saya huraikan di bahagian seterusnya dalam jurnal ini.

**2. ANALISIS ISU YANG DIFOKUSKAN (PUNCA DAN KESAN ISU)**

Sesi pengajaran dan pemudahcaraan saya untuk mata pelajaran Matematik pada minggu ini telah mendapat pujian oleh Pensyarah Penyelia saya. Hal ini kerana saya telah memperbaiki teknik pengajaran saya seperti memperbanyakkan teknik

'didik hiburan' dan menghasilkan BBM yang kreatif dan berupaya menarik minat murid untuk terus memberikan perhatian kepada sesi pengajaran saya. Namun begitu, saya mendapati bahawa dalam sesi kali ini, saya tidak berupaya untuk menguruskan masa bagi setiap langkah pengajaran dengan baik. Hal ini kerana setiap aktiviti yang dilakukan tidak mempunyai durasi yang sama. Sebagai contoh, langkah interaksi pengajaran bagi kumpulan pertama mengambil masa yang agak lama manakala bagi kumpulan kedua pula, mereka dapat menyiapkan tugas yang diberikan oleh saya dalam masa yang saya tidak jangka iaitu terlalu cepat. Hal ini membuatkan mereka perlu menunggu saya untuk ke aktiviti yang seterusnya. Saya mendapati punca utama hal ini berlaku kerana aktiviti yang saya berikan kepada mereka agak senang untuk mereka selesaikan.

### **3. KAJIAN LAMPAU (LITERATURE REVIEW) TERHADAP ISU (PENGALAMAN ATAU KAJIAN LEPAS)**

Menurut Husairi (2015), pengurusan masa yang berkesan merupakan satu faktor yang menentukan kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran. Pengurusan masa guru dapat digunakan melalui analisis dan perancangan. Perancangan masa adalah penting untuk memastikan masa yang ada dapat digunakan dengan tepat dan berkesan (Simons & Galotti, 2015). Perancangan masa yang baik dapat mengelakkan dari berlakunya pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang tidak bersistem. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, guru perlu merancang aktiviti sesuai dengan setiap masa yang diperuntukkan dalam setiap mata pelajaran (Hafiz, Muhammad & Imran, 2016). Aktiviti yang dijalankan seharusnya tidak terlalu mengambil masa yang lama dan sebaliknya.

### **4. CADANGAN DAN IDEA PENYELESAIAN MASALAH**

Berdasarkan kepada analisis isu dan maklumat daripada kajian lampau, saya mencadangkan beberapa alternatif kepada penyelesaian masalah ini. Pertama, saya perlu sentiasa merancang aktiviti yang mengambil masa yang sama dengan kumpulan pertama. Sebagai contoh, sekiranya saya meminta murid untuk menyelesaikan masalah matematik, saya boleh mempertimbangkan jumlah soalan yang saya berikan kepada murid agar mereka mengambil masa yang lama untuk menyelesaikan masalah tersebut. Kedua, saya juga perlu sentiasa peka untuk melakukan interaksi pengajaran mengikut waktu yang ditetapkan dan menyusun bahan bantu mengajar terlebih dahulu sebelum memulakan kelas agar masa dapat diijimatkan. Selain itu juga, saya juga perlu sentiasa mengambil tahu perkembangan murid dalam menyelesaikan soalan yang diberi oleh saya dan meminta murid untuk sabar menunggu aktiviti yang seterusnya dijalankan. Disamping itu juga, saya juga boleh menyediakan permainan sampingan yang boleh dimainkan oleh murid terlebih dahulu sementara menunggu saya menjalankan langkah interaksi pengajaran kepada murid - murid kumpulan 1.

## **5. TEMPOH MASA PENYELESAIAN**

Tempoh masa penyelesaian adalah selama 1 minggu ( 3 September - 10 September 2020).

## **6. TINDAKAN SUSULAN**

Sebagai tindakan susulan, saya telah menggunakan pelbagai sumber untuk mencari idea menghasilkan aktiviti yang sesuai untuk dilaksanakan dalam masa yang ditetapkan bagi setiap langkah. Saya juga telah menyediakan beberapa permainan sampingan yang boleh dimainkan oleh murid semasa menunggu saya menyiapkan langkah interaksi pengajaran bersama kumpulan lain.

## **7. TARIKH TINDAKAN SUSULAN DILAKSANAKAN**

Tarikh tindakan susulan dilaksanakan pada 3 September 2020.

## **8. KEBERKESANAN LANGKAH YANG DICADANGKAN**

Saya merasakan bahawa penyediaan aktiviti atau permainan sampingan mampu memberikan mereka keseronokkan dan menghilangkan kebosanan mereka untuk menunggu saya melayani murid - murid di kumpulan 1. Selain itu juga, mereka juga dapat memberikan tumpuan dengan melakukan aktiviti tambahan dan tidak mengganggu rakan - rakan yang lain. Hal ini dapat membantu saya untuk mengawal tingkahlaku murid yang bermasalah di dalam kelas. Aktiviti dan permainan tambahan yang disediakan mampu mengisi masa murid dengan perkara yang berfaedah.

## **9. KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, guru perlu sentiasa peka mengenai pengurusan masa di dalam kelas khususnya sewaktu menguruskan aktiviti dan langkah pengajaran yang dijalankan. Aktiviti dan permainan tambahan perlu disediakan oleh guru sebagai aktiviti tambahan yang mampu mengisi masa murid di dalam kelas dengan perkara yang berfaedah.

## **RUJUKAN**

- Husairi Jikan. (2015). Pengurusan masa guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Teknik dan Vokasional (Elektif - Sains Pertanian) di Sekolah - Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru). 1 - 29.
- Simons, D. J., & Galotti, K. M. (2015). Everyday planning: An analysis of daily time management. *Bulletin of the Psychonomic Society*, 30, (1), 61-64.
- . Hafiz Muhammad., Muhammad Tahir & Imran Faisal. (2016). Exploring Relationship of Time Management with Teachers'. *Bulletin of Education and Research*. 249-243.

**Pandangan / komen guru pembimbing**

---

---

**Tandatangan** :

**Nama** :

**Tarikh** :

**Pandangan / komen pensyarah penyelia**

---

---

**Tandatangan** :

**Nama** :

**Tarikh** :

## JURNAL REFLEKTIF MINGGUAN

| MINGGU |
|--------|
| 10     |

**Bilangan Jurnal** : Kesepuluh

**Tajuk** : Isu perkauman antara murid.

### 1. ISU YANG DIFOKUSKAN

Majoriti murid di PPKI SMK Pulau Nyior adalah dari golongan berbangsa Melayu. Terdapat seorang murid sahaja yang berbangsa Cina. Murid lelaki yang berbangsa Cina ini sangat mendengar arahan guru dan mempunyai tingkah laku yang baik di dalam kelas. Namun begitu, terdapat seorang murid perempuan yang tidak suka pada murid yang berbangsa Cina ini dan sering memanggil murid lelaki ini sebagai 'Cina'. Murid perempuan ini juga sering mengambil barang murid lelaki ini bahkan sekiranya murid perempuan ini melihat ada tulisan cina di kertas atau plastik, murid ini akan membuang atau mengoyakkan kertas dan plastik tersebut. Perbuatan murid perempuan ini jelas sekali menunjukkan bahawa dia tidak menyukai apa - apa yang berkaitan dengan bangsa Cina. Masalah ini adalah satu isu yang perlu diselesaikan dalam tempoh segera.

### 2. ANALISIS ISU YANG DIFOKUSKAN (PUNCA DAN KESAN ISU)

Berdasarkan pemerhatian saya, hubungan di antara murid lelaki dan murid perempuan ini tidak berapa baik. Murid perempuan ini sentiasa mencuba untuk mencari masalah dan mengganggu murid lelaki ini. Perbuatan murid perempuan ini kadangkala mengganggu emosi murid lelaki tersebut untuk mengikuti sesi pengajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas. Kadangkala, murid perempuan ini akan merajuk dengan saya kerana saya

berinteraksi dengan murid lelaki di dalam kelas. Beliau tidak menyukai saya bercakap, memberikan perhatian atau mengajar murid lelaki tersebut. Keadaan sebegini telah menghalang saya untuk melaksanakan sesi pengajaran dan pemudahcaraan dengan lancar. Berdasarkan perbualan bersama guru kelas murid perempuan ini, saya mendapati bahawa beliau tidak menyukai murid lelaki ini semenjak tahun lepas kerana murid lelaki ini berbangsa cina. Perkara ini seharusnya diambil serius kerana saya percaya bahawa sekolah merupakan medium utama untuk kita memupuk semangat perpaduan. Ianya merupakan agen sosialisasi dalam membentuk perpaduan antara kaum dan menyediakan persekitaran yang baik untuk pelajar berinteraksi dengan pelbagai kaum.

### **3. KAJIAN LAMPAU (LITERATURE REVIEW) TERHADAP ISU (PENGALAMAN ATAU KAJIAN LEPAS)**

Menurut Husin dan Dawi (2019), sekolah merupakan pusat intergrasi perpaduan antara kaum. Perpaduan dapat diertikan sebagai hubungan erat yang bersifat toleransi yang diwujudkan secara sengaja dalam kalangan kaum dan etnik yang berbeza. Sekolah merupakan alat memupuk perpaduan di kalangan pelajar. Hal ini kerana ianya merupakan tempat permulaan pengenalan kanak - kanak dan remaja dengan rakan - rakan yang pelbagai kaum. Menurut Zulkifli (2011), pengalaman berkawan dengan rakan daripada kaum lain di alam persekolahan ini membantu murid untuk membina perspektif unik dalam diri mereka serta lebih mudah menerima dan mesra untuk bergaul bersama rakan - rakan yang lain. Perasaan membenci dan diskriminasi antara kaum perlu dibendung dengan mengadakan pelbagai aktiviti yang bersesuaian untuk memupuk perpaduan. (Kamaruddin, 2014).

### **4. CADANGAN DAN IDEA PENYELESAIAN MASALAH**

Berdasarkan kepada analisis isu dan maklumat daripada kajian lampau, saya mencadangkan beberapa alternatif kepada penyelesaian masalah ini. Pertama, saya perlu sentiasa mengingatkan murid perempuan tersebut bahawa tiada perbezaan antara Melayu, Cina dan India kerana kita adalah rakyat Malaysia. Seterusnya, sekiranya murid perempuan tersebut memanggil murid lelaki itu 'Cina', saya perlu melakukan peneguhan negatif ke atas murid perempuan tersebut seperti mengurangkan nilai token yang dikumpul dan tidak berinteraksi denganya dalam beberapa minit atau tempoh yang tertentu. Tindakan saya ini dapat menyedarkan dirinya bahawa beliau telah melakukan satu kesalahan dan tidak diterima serta disukai oleh guru. Selain itu juga, untuk sesi pengajaran dan pemudahcaraan, saya perlu sentiasa memupuk nilai perpaduan serta nilai bahasa dalam pengajaran saya. Nilai - nilai ini boleh dipupuk melalui langkah set induksi atau pada lembaran kerja. Disamping itu juga, saya perlu memperbanyakkan bahan cerita yang mengisahkan tentang perpaduan antara kaum. Saya juga perlu sentiasa mengingatkan dirinya akibat sekiranya kita berada dalam keadaan yang berpecah belah di Negara ini.

## **5. TEMPOH MASA PENYELESAIAN**

Tempoh masa penyelesaian adalah selama 1 minggu ( 7 September - 14 September 2020).

## **6. TINDAKAN SUSULAN**

Sebagai tindakan susulan, saya telah cuba untuk menerapkan nilai perpaduan dalam mata pelajaran yang saya mengajar. Nilai - nilai perpaduan seringkali disebut dan diulang - ulang agar murid - murid memahami kepentingan hidup bersatu padu. Selain itu juga, tayangan video iklan kemerdekaan yang menceritakan mengenai bagaimana rakyat yang

berbilang bangsa bersatu hati turut ditayangkan di dalam kelas selepas waktu rehat. Token juga telah mula ditarik secara berperingkat untuk memberikan peringatan kepadanya bahawa membenci bangsa lain adalah satu kesalahan yang tidak boleh dilakukan.

## **7. TARIKH TINDAKAN SUSULAN DILAKSANAKAN**

Tarikh tindakan susulan dilaksanakan pada 8 September 2020.

## **8. KEBERKESANAN LANGKAH YANG DICADANGKAN**

Saya merasakan bahawa beberapa cadangan penyelesaian yang dilakukan agak memberi impak kepada murid perempuan tersebut terutamanya apabila saya tidak memberikan perhatian kepadanya sekiranya beliau mengganggu murid lelaki cina tersebut di dalam kelas. Selain itu, beliau sangat takut sekiranya token yang saya berikan ditarik semula akibat daripada tingkahlaku negatif yang dilakukan yang berunsurkan kebencian terhadap bangsa Cina.

## **9. KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, guru perlu sentiasa peka terhadap tingkahlaku murid. Isu ini mungkin agak kecil namun jika dibiarkan ia akan memberikan kesan kepada murid - murid. Hal ini kerana, apabila murid ini keluar dari alam persekolahan, beliau akan menemui lebih ramai orang yang berbangsa Cina. Justeru, semangat perpaduan antara kaum perlu disemai melalui pelbagai aktiviti yang dilakukan di sekolah. Sekolah adalah agen utama untuk memupuk semangat perpaduan antara murid.

## **RUJUKAN**

Husin, N. A. N., & Dawi, A. H. (2019). Peranan sekolah dalam pembentukan perpaduan antara kaum dalam kalangan pelajar. Jurnal Pendidikan Bitara UPSI, 12(1), 18-28.

Kamaruddin M. Said (2014). Perpaduan Nasional Dalam Pelbagai Perspektif. Kuala Lumpur: Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Zulkifli Hamid (2011). Peranan Teori Psikolinguistik dalam Pemurnian dan Pemerkasaan Pendidikan Bahasa Melayu Di Malaysia. Volume 6, Number 2, 183-192.

### **Pandangan / komen guru pembimbing**

---

---

**Tandatangan** :

**Nama** :

**Tarikh** :

### **Pandangan / komen pensyarah penyelia**

---

---

**Tandatangan** :

**Nama** :

**Tarikh** :

**Bilangan Jurnal**

: Kesebelas

**Tajuk**

: Masalah kebersihan diri.

**1. ISU YANG DIFOKUSKAN**

Isu yang dihadapi pada minggu ini adalah isu mengenai kebersihan diri murid. Sebagai seorang guru, isu kebersihan diri murid ini adalah isu yang seringkali terjadi hampir setiap hari, tidak kira murid di aliran perdana atau murid Pendidikan Khas. Pada minggu ini, saya berdepan dengan masalah penampilan dan kebersihan diri murid-murid. Murid-murid tidak menjaga kekemasan dan kebersihan pakaian, dan diri sendiri. Saya dapati, murid-murid tidak mengambil berat dan memandang serius tentang kebersihan dan kekemasan diri. Bau stokin yang kuat juga kadangkala mengganggu konsentrasi saya untuk mengajar di dalam kelas.

Kebanyakan murid-murid datang pada waktu pagi dengan berpakaian bersih dan kemas, akan tetapi, mereka akan mula berkeadaan kotor dan berbau setelah waktu rehat terutama selepas melakukan aktiviti di ladang nanas. Saya memandang isu ini sebagai isu yang serius kerana kebersihan diri seharusnya diberikan perhatian dalam kehidupan murid - murid terutama murid berkeperluan khas ini.

**2. ANALISIS ISU YANG DIFOKUSKAN (PUNCA DAN KESAN ISU)**

Tatkala Covid-19 menyerang seluruh dunia, kita digesa untuk menjaga kebersihan diri. Diri yang bersih bukan sahaja disenangi oleh orang sekeliling, malah ianya boleh menjauhkan diri kita dari penyakit berbahaya.

Berdasarkan pemerhatian saya, saya dapati bahawa murid - murid lelaki kurang menjaga kebersihan diri dengan baik. Ini termasuklah pemakaian pelitup muka yang sudah kotor, stokin yang berbau dan baju yang kotor. Amalan tidak menjaga kebersihan diri ini sangat mengganggu rakan - rakan yang lain untuk belajar dan mengganggu guru untuk mengadakan sesi pengajaran dan pemudahcaraan dengan sempurna di dalam kelas.

Kebersihan diri merupakan salah satu amalan yang penting untuk diterapkan dalam diri murid - murid. Menjaga kebersihan adalah amalan terpenting dalam kehidupan seharian kerana kebersihan tonggak kehidupan yang selesa dan harmoni. Kebersihan menggambarkan perwatakan dan keperibadian seseorang individu di mata masyarakat. Kebersihan perlu diambil berat dan diamalkan sejak di bangku sekolah lagi.

Murid-murid sepatutnya menjadikan penampilan yang kemas dan menjaga kebersihan diri sebagai satu budaya hidup terutama ketika berada di sekolah. Ini kerana, sekolah merupakan tempat murid-murid menimba ilmu pengetahuan. Sekiranya suasana dan diri tidak bersih dan kemas, ianya akan menyebabkan proses pembelajaran terganggu seterusnya mengganggu tumpuan dan perhatian murid-murid menimba ilmu pengetahuan.

### **3. KAJIAN LAMPAU (LITERATURE REVIEW) TERHADAP ISU (PENGALAMAN ATAU KAJIAN LEPAS)**

Menurut Mohamad (2019), kebersihan diri merupakan elemen yang perlu diambil berat dalam diri murid. Sekiranya murid tidak mengambil berat mengenai kebersihan diri dan kekemasan semasa berada di kawasan sekolah, murid dikira sebagai melanggar peraturan yang ditetapkan oleh sekolah. Musim wabak Covid-19 yang melanda ini, murid - murid perlu lebih kerap menjaga kebersihan diri. Amalan mencuci tangan perlu dijadikan kebiasaan. Ini kerana tangan boleh bertindak sebagai ejen pemindahan

bakteria atau virus apabila menyentuh muka terutama mata, hidung atau mulut. Membasuh tangan merupakan salah satu langkah penting yang boleh kita ambil untuk mengelakkan penyebaran penyakit. Tindakan mencuci tangan dengan sabun perlu dijadikan amalan seharian, bukan hanya untuk mencegah penularan wabak COVID-19 semata-mata. Selain itu, pakaian yang dipakai perlu sentiasa bersih dan kemas untuk menyekat penularan wabak dan sebarang penyakit berjangkit yang bahaya. Sebagai guru, amalan menjaga kebersihan diri murid dapat dilakukan dengan pelbagai cara seperti mengadakan kempen, menjalinkan program kerjasama bersama Kementerian Kesihatan Malaysia dan sebagainya (Siti Nur Azwin, 2020).

#### **4. CADANGAN DAN IDEA PENYELESAIAN MASALAH**

Berdasarkan kepada analisis isu dan maklumat daripada kajian lampau, terdapat beberapa cadangan kepada isu ini. Pertama, guru perlu menjadi model utama dalam menerapkan nilai kebersihan diri kepada murid. Dalam situasi ini, kebersihan diri guru perlu diutamakan terlebih dahulu. Sebagai contoh, sebelum memulakan kelas, guru perlu memakai 'hand sanitizer' untuk memastikan tangan sentiasa bersih apabila bersentuhan dengan murid atau memegang bahan bantu mengajar di dalam kelas. Guru juga perlu menjaga pakaian dengan bersih dan kemas semasa berada di sekolah. Kedua, guru juga perlu sentiasa menegur murid untuk menjaga kebersihan diri seperti mengarahkan murid untuk mencuci tangan selepas pulang dari melakukan aktiviti di ladang. Kekemasan baju juga perlu diutamakan seperti menegur murid untuk memasukkan baju dengan sempurna ke dalam seluar.

Selain itu juga, guru perlu menerapkan nilai amalan kebersihan diri ini di dalam sesi pengajaran dan pemudahcaraan yang dilaksanakan. Sebagai contoh, sewaktu melakukan set induksi, guru boleh menceritakan kepada

murid akibat tidak menjaga kebersihan diri dan sebagainya. Pertandingan atau kempen seperti 'Personaliti Indah', 'Badan Bersih, Hati Riang' dan sebagainya boleh dilakukan untuk menarik minat murid menjaga kebersihan diri. Disamping itu, guru juga boleh memuji murid yang menjaga kebersihan diri dan menjadikan murid tersebut sebagai contoh agar murid - murid lain dapat mengikuti murid tersebut.

Sistem ganjaran dan dendaan boleh dilaksanakan untuk memastikan murid menjaga kebersihan diri dengan kerap. Sekiranya murid dilihat terlalu kotor dan berbau, guru boleh berterus terang kepada murid tersebut dengan memberitahu kepadanya secara berseorangan. Ayat yang mudah difahami dan tidak mengecilkan hati murid perlu diaplikasikan dalam situasi ini. Selain itu juga, guru boleh menggantikan token ganjaran berbentuk barangan penjagaan diri seperti sabun, syampu atau minyak wangi. Seterusnya, guru juga boleh memberitahu murid untuk membawa baju lebih ke sekolah apabila ada aktiviti di ladang. Apabila sudah selesai aktiviti di ladang, murid perlulah diberikan kebenaran untuk menukar pakaian lain sebelum menyambung sesi pembelajaran di dalam kelas.

## **5. TEMPOH MASA PENYELESAIAN**

Tempoh masa penyelesaian adalah selama 1 minggu ( 14 September - 21 September 2020).

## **6. TINDAKAN SUSULAN**

Sebagai tindakan susulan, saya telah berbincang dengan guru penyelaras PPKI SMK Pulau Nyior untuk memberikan keizinan kepada murid menyalin pakaian baru apabila selesai melakukan aktiviti di ladang. Selain itu juga, saya telah menegur beberapa orang murid untuk kerap menukar stokin baru apabila hadir ke sekolah. Saya juga telah menerapkan amalan menjaga

kebersihan diri di hadapan murid sebelum menjalankan sesi pengajaran di dalam kelas seperti memakai pelitup muka yang baru, memakai 'hand sanitizer' dan memastikan keadaan murid dalam keadaan yang kemas dan rapi.

Sebelum sesi pengajaran dilaksanakan, saya akan meminta murid untuk mengemaskan diri sendiri seperti memasukkan baju ke dalam seluar dan membetulkan 'anak' tudung dengan kemas. Selain itu, saya juga telah membuat pemeriksaan kuku secara berkala di dalam kelas. Ganjaran dan dendaan turut diaplikasikan dalam menerapkan amalan kebersihan diri dalam diri murid.

#### **7. TARIKH TINDAKAN SUSULAN DILAKSANAKAN**

Tarikh tindakan susulan dilaksanakan pada 15 September 2020.

#### **8. KEBERKESANAN LANGKAH YANG DICADANGKAN**

Saya merasakan bahawa beberapa cadangan penyelesaian yang dilakukan telah memberi kesan dan membawa sedikit perubahan kepada kebersihan diri murid. Murid kelihatan sentiasa membetulkan baju dan seluar sekiranya saya masuk ke dalam kelas mereka. Hal ini kerana mereka sudah memahami bahawa saya amat teliti dalam melihat kekemasan yang ditampilkan oleh mereka. Selain itu juga, mereka telah mula membawa baju tambahan untuk ditukar selepas pulang dari ladang nanas. Bau stokin yang kuat juga sudah semakin hilang kerana murid sudah mempunyai kesedaran untuk menukar stokin dengan kerap.

#### **9. KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, guru perlu sentiasa menerapkan amalan kebersihan diri dalam kehidupan murid. Ini kerana amalan kebersihan merupakan amalan yang penting yang harus dijaga sebaiknya. Murid

berkeperluan khas tidak boleh dikecualikan untuk mengetahui amalan menjaga kebersihan diri dengan betul. Pada musim Covid-19 ini, guru seharusnya menjadi barisan hadapan untuk menjaga tahap kebersihan dan kesihatan murid di sekolah. Amalan menjaga kebersihan diri perlu disemai kerana sekolah merupakan tempat murid mempelajari amalan ini secara formal. Cadangan yang dicadangkan boleh dipertimbangkan untuk membendung isu ini daripada menjadi satu kebiasaan yang terus bersarang dalam diri dan kehidupan murid.

## **RUJUKAN**

Mohamad (2019). Peranan sekolah menerapkan amalan kebersihan diri dan pemakanan sihat. Jurnal Pendidikan Bitara UPSI, 12(1), 18-28.

Siti Nur Azwin (2020). Amalkan penjagaan diri dan kebersihan. Universiti Malaysia Pahang, 10 (1), 2 - 7.

## **Pandangan / komen guru pembimbing**

---

---

**Tandatangan** :

**Nama** :

**Tarikh** :

## **Pandangan / komen pensyarah penyelia**

---

---

**Tandatangan** :

**Nama** :

**Tarikh** :

**Bilangan Jurnal**

: Kedua belas

**Tajuk**

: Tidak Mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Covid - 19.

**1. ISU YANG DIFOKUSKAN**

Sesi persekolahan yang dibuka pada bulan Julai lalu telah memberikan satu norma baharu kepada seluruh warga di sekolah. Jika dahulu murid dibenarkan untuk bersalaman dengan guru ketika mahu pulang ke rumah, kini amalan ini tidak dapat dilaksanakan seperti mana yang ditetapkan dalam panduan penjarakkan fizikal dan mengelakkan diri daripada bersentuhan dengan individu di sekeliling kita. Isu pada minggu ini adalah berkenaan dengan ketidakpatuhan murid kepada prosedur operasi standard (SOP) dalam mengekang penularan wabak Covid-19 di sekolah. Pada minggu ini murid sudah mula memberanikan diri untuk berkumpul pada waktu rehat di kantin sekolah. Isu ini seharusnya diambil perhatian demi menjaga keselamatan murid - murid yang berada di sekolah.

**2. ANALISIS ISU YANG DIFOKUSKAN (PUNCA DAN KESAN ISU)**

Penularan wabak Covid - 19 di Malaysia telah menggesa seluruh rakyat Malaysia untuk menyesuaikan diri hidup dalam norma baharu. Terdapat beberapa garis panduan norma baharu yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Antara garis panduan tersebut adalah mengamalkan penjarakkan fizikal tidak kira dimana kita berada. Garis panduan yang dikeluarkan ini adalah satu kewajipan yang perlu dipatuhi dan

digesa oleh pihak kementerian bagi mengelakkan daripada wujudnya kluster - kluster baharu yang menyebabkan peningkatan kes - kes positif Covid-19 di negara kita. Namun begitu, manusia dan sifat leka adalah satu sebatian yang tidak dapat dipisahkan.

Pada minggu ini, pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) tidak dapat diikuti sepenuhnya oleh beberapa orang murid kerana kurang mempunyai kesedaran terhadap jangkitan virus yang membahayakan ini. Beberapa orang murid PPKI sudah mula memberanikan diri untuk tidak mematuhi peraturan makan di dalam kelas pada waktu rehat. Dalam keadaan yang tenang dan tanpa rasa serba salah, mereka membeli makanan di kantin sekolah dan duduk secara berkumpulan untuk menikmati juadah waktu rehat mereka bersama - sama murid - murid di aliran perdana yang lain. Mereka seakan lupa bahawa Malaysia 'masih belum menang' dalam peperangan mengatasi wabak Covid-19.

Situasi ini amat merisaukan para guru kerana makan di kantin merupakan satu kesalahan bagi murid - murid PPKI SMK Pulau Nyior. Pihak guru dan para pentadbir telah menetapkan satu norma baharu kepada murid - murid PPKI SMK Pulau Nyior untuk makan di dalam kelas sahaja. Oleh itu, guru - guru perlu memadamkan serius isu ini dan mengambil langkah konkrit yang proaktif untuk membendung masalah ini daripada berlaku lagi pada masa yang akan datang.

### **3. KAJIAN LAMPAU (LITERATURE REVIEW) TERHADAP ISU (PENGALAMAN ATAU KAJIAN LEPAS)**

Menurut Mohd Faiz dan Haidar Rizal (2019), jangkitan Covid - 19 boleh menyerang seseorang individu yang mengalami gejala sama ada yang sederhana seperti selsema, sakit tekak, batuk dan demam ataupun yang lebih teruk seperti radang paru-paru pneumonia), kesukaran bernafas dan

akhirnya boleh menyebabkan kematian. Berdasarkan penyelidikan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (2020) terdapat bukti yang menunjukkan bahawa jangkitan COVID-19 boleh tersebar melalui kontak rapat dengan orang yang telah dijangkiti COVID-19 melalui titisan daripada batuk atau bersin atau melalui sentuhan dengan permukaan yang tercemar dengan titisan batuk atau bersin daripada orang yang dijangkiti. Sebagai langkah pencegahan Covid-19, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengeluarkan garis panduan yang perlu dipatuhi di setiap tempat dan institusi termasuk di sekolah. Guru merupakan barisan hadapan di sekolah dalam membendung wabak ini. Pihak pentadbir disarankan untuk menyusun semula peraturan dan amalan yang diamalkan di sekolah bagi mengikuti pembudayaan norma baharu dan penguatkuasaan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselematan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

#### **4. CADANGAN DAN IDEA PENYELESAIAN MASALAH**

Merujuk kepada maklumat pembacaan daripada kajian lampau, terdapat beberapa cadangan yang boleh digunakan untuk menyelesaikan isu ini. Pertama, pihak guru boleh menyediakan makanan kepada murid pada waktu rehat. Makanan yang disediakan ini boleh dibeli atau ditempah daripada pihak kantin atau pengusaha makanan berdekatan dengan kawasan sekolah. Penyediaan makanan kepada murid ini merupakan satu cadangan yang bernas untuk mengelakkan murid daripada membeli makanan dan makan di kantin sekolah. Kedua, sekiranya murid tidak meminati makanan yang ditempah atau disediakan oleh pihak guru, guru boleh meminta pihak ibu bapa untuk menyediakan bekalan makanan dan minuman yang secukupnya kepada murid untuk dibawa ke sekolah.

Seterusnya, sekiranya guru tidak dapat menempah makanan untuk

murid dan ibu bapa tidak sempat untuk menyediakan bekalan kepada anak masing - masing, guru boleh meminta Pembantu Pengurusan Murid untuk mengambil pesanan makanan di kantin dan membelikan makanan yang dipesan oleh murid. Selain itu juga, sekiranya kelas tidak mempunyai tempat yang kondusif untuk murid menikmati juadah pada waktu rehat, guru boleh berbincang dengan pihak pentadbir sekolah untuk mengadakan sesi rehat yang khusus buat murid - murid berkeperluan khas ini untuk rehat di kantin sekolah.

Disamping itu juga, guru perlu kerap memberitahu kepada murid mengenai garis panduan yang ditetapkan pada norma baharu ini. Penguatkuasaan prosedur operasi standard (SOP) perlu disertakan dengan pendidikan kesihatan yang berterusan supaya kebiasaan norma baharu termasuk pematuhan SOP dapat dibudayakan. Akhir sekali, sekiranya terdapat murid yang masih ingkar dan masih ingin makan di kantin, guru boleh mengambil tindakan kepada murid tersebut seperti menarik token yang dikumpul atau melakukan kerja tambahan yang mampu memberikan kesedaran kepada murid untuk tidak melanggar peraturan yang ditetapkan. Guru juga boleh meminta kerjasama dari pihak kantin sekolah untuk memaklumkan kepada pihak PPKI sekiranya terdapat murid PPKI yang makan di kantin sekolah pada waktu rehat.

## **5. TEMPOH MASA PENYELESAIAN**

Tempoh masa penyelesaian adalah lebih kurang 1 minggu ( 21 September - 24 September 2020).

## **6. TINDAKAN SUSULAN**

Sebagai tindakan susulan, saya telah berbincang dengan guru penyelaras PPKI SMK Pulau Nyior mengenai isu ini. Saya telah memberikan

beberapa cadangan yang sesuai seperti membeli makanan untuk murid di luar kawasan sekolah atau di kantin sekolah serta membuat peringatan kepada ibu bapa untuk menyediakan bekalan kepada anak masing - masing. Saya juga telah memberikan cadangan beberapa buah kedai yang bersedia mengambil tempahan makanan seperti nasi lemak bungkus yang berharga RM 2.00 dan mempunyai khidmat penghantaran makanan ke sekolah secara percuma. Seterusnya, satu perjumpaan bersama pihak kantin sekolah turut sedang dirancang agar isu murid PPKI yang makan di kawasan kantin ini dapat diselesaikan. Guru juga telah menerapkan pendidikan kesihatan mengenai norma baharu dan garis panduan pencegahan Covid-19 di dalam kelas kepada murid dengan lebih kerap. Sebagai contoh, guru memberitahu kepada murid mengenai keberkesanan pematuhan SOP dapat mencegah daripada dijangkiti covid-19.

## **7. TARIKH TINDAKAN SUSULAN DILAKSANAKAN**

Tarikh tindakan susulan dilaksanakan pada 22 September 2020.

## **8. KEBERKESANAN LANGKAH YANG DICADANGKAN**

Saya merasakan bahawa beberapa cadangan penyelesaian yang dilakukan telah mampu membendung isu ini daripada terus terjadi. Murid yang telah melakukan kesalahan makan di kantin tanpa penjarakkan fizikal ini sudah mula mengakui kesalahan yang dilakukan olehnya dan telah berjanji dengan pihak guru untuk tidak melanggar peraturan ini lagi. Selain itu juga, terdapat murid yang mula membawa bekalan makanan sendiri dari rumah. Tempahan makanan yang dilakukan oleh guru dari pihak luar juga telah membantu guru membendung masalah ini.

## 9. KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, negara Malaysia masih bergelut dengan wabak Covid-19. Oleh itu, semua pihak perlu mempunyai kesedaran dalam membendung masalah ini. Murid perlu diberikan pendedahan mengenai akibat sekiranya tidak mematuhi segala garis panduan yang ditetapkan pada norma baharu. Tugas sebagai 'barisan hadapan' bukan hanya terletak pada bahu seorang guru, malah ianya terletak di bahu semua warga sekolah. Kerjasama dan keprihatinan dari pelbagai pihak mampu mencegah penularan Covid-19 ini daripada tersebar.

## RUJUKAN

Mohd Faiz Ibrahim & Haidar Rizal Toha. (2019). Garis panduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan untuk Anggota Kesihatan dalam Pengurusan Covid-19.

Kementerian Kesihatan Malaysia. 2020. Guidelines On 2019 Novel Corona Virus (2019-Ncov) Management In Malaysia No.4/2020.

### Pandangan / komen guru pembimbing

---

---

Tandatangan :

Nama :

Tarikh :

### Pandangan / komen pensyarah penyelia

---

---

Tandatangan :

**Nama** :

**Tarikh** :